

27 OCT 2000

REAKSI-LEVI

PM: TIADA LEVI KELUAR SELEPAS PELABURAN SETAHUN

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penghapusan levi keluar ke atas penghantaran pulang keuntungan daripada pelaburan ekuiti bermaksud bahawa pelabur-pelabur asing tidak perlu membayar apa-apa jika mereka membawa keluar keuntungan mereka selepas setahun.

Katanya orang-orang asing, yang kerap mendakwa sebagai pelabur-pelabur jangka panjang, terpaksa menyimpan modal mereka di Bursa Saham Kuala Lumpur selama setahun.

"Mereka sentiasa mendakwa bahawa mereka adalah pelabur-pelabur jangka panjang. Jadi selagi mereka merupakan pelabur-pelabur jangka panjang, mereka akan menyimpan pelaburan mereka di sini selama lebih daripada setahun," beliau memberitahu pemberita apabila diminta mengulas mengenai langkah yang diumumkan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin di dalam pembentangan Belanjawan 2001nya hari ini.

Kerajaan mengenakan levi keluar 10 peratus ke atas keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan portfolio jangka pendek untuk mengelakkan pengaliran keluar modal yang besar yang boleh menggugat sistem kewangan negara.

Daim menyebut persekitaran pasaran modal yang bertambah baik sebagai asas bagi menghapuskan levi keluar itu.

Dr Mahathir berkata pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) tujuh peratus yang diunjurkan bagi tahun depan tidaklah merupakan sasaran yang terlalu optimistik kerana ekonomi Malaysia diramalkan berkembang sebanyak 7.5 peratus tahun ini, melepasi ramalan paras 5.8 peratus sebelum ini.

Ekonomi malahan telah mengakali kadar pertumbuhan lebih lapan peratus bagi 10 tahun berturut-turut di masa lalu, kata perdana menteri.

"Jadi untuk mencapai sasaran tujuh peratus tidak terlalu mustahil," katanya.

Dr Mahathir berkata ekonomi mencapai prestasi baik dan masih berkembang pada kadar yang pantas.

Mengakui bahawa prestasi lebih tinggi tahun ini akan menjadikan sukar bagi ekonomi untuk berkembang pada tahap lebih pesat, katanya, "tetapi kita fikir kita boleh capai itu kecuali memang ekonomi dunia runtuh atau sesuatu berlaku kepada ekonomi dunia." -- BERNAMA

MAD SHY OS